



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000  
Faks : 03-8884 9315  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

KPM.600-10/22/6 Jld. 36(94)  
Tarikh : 13 Mac 2017

**YBrs. Dr. Soon Lee Fong**  
Pengerusi  
Ionspec Foundation Ltd  
Berjaya Times Square,  
A17-11, No 1, Jalan Imbi  
55100 Kuala Lumpur

YBrs. Dr.,

**MENDERMA BINGKAI RAWATAN IONSPEC KEPADA PELAJAR RABUN TINGGI**

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan atas usaha dan inisiatif pihak YBrs. Dr. dalam membantu pendidikan negara melalui pelaksanaan program yang dimohon. Untuk makluman YBrs. Dr., Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengalu-alukan tawaran kerjasama dan perkongsian pintar dengan agensi luar dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, **tiada halangan** kepada pihak YBrs. Dr., untuk menderma bingkai rawatan Ionspec kepada pelajar rabun tinggi di kalangan sekolah rendah dan sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang dimohon.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBrs. Dr. perlu mengadakan perbincangan dengan pihak Pengetua sekolah yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik dalam pelaksanaan program ini di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru Besar/Pengetua sekolah yang terlibat; (**Rujukan: Perkara 3.1, Surat Pekelingking Ikhtisas Bil.10/2011**);
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program sebelum 31 Disember 2017**; dan

**“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**  
*Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila dihubungi*



- 3.4 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.5 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.6 Bahagian ini berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak YBrs. Dr gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

4. Kelulusan ini (Menderma Bingkai Rawatan Ionspec kepada Pelajar Rabun Tinggi) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 24 November 2017.

Sekian. Terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**DATIN SRI NORZAMANI BINTI ABDOL HAMID**

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

/PP2/UK/SPDK/MAC/2017

s.k. 1. Semua Pengarah Pendidikan Negeri